



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

MPP3 2022
TASAWWUR ISLAM
5226/1

NOVEMBER 2022

PERATURAN PEMARKAHAN

Disediakan Oleh:
PANEL AKRAM TASAWWUR ISLAM
NEGERI TERENGGANU

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

BAHAGIAN A

BIL	JAWAPAN	BIL	JAWAPAN
1	Ihsan	11	Bermatlamatkan keimanan
2	Waqi'iyah	12	Berlandaskan syariat Islam
3	Ibadat	13	Puasa, Zakat, Haji
4	Khilafah	14	Puasa Enam, Sedekah, umrah
5	Syura	15	Fardu Kifayah
6	Etika Tadbir Urus	16	X
7	Murunah	17	X
8	Akal	18	√
9	S	19	√
10	T	20	√

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

BAHAGIAN B

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1.	(a)	(i)	Maksud Islam sebagai al-Din ialah Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m)	2 markah
		(ii)	Dua tujuan rasul diutuskan kepada manusia • Membaca, menghayati kandungan Al- Quran(1m) agar hidup dirahmati oleh Allah SWT.(1m) • Menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan (1m) dalam segala tindakan.(1m) • Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW (1m) agar hidup lebih terpandu ke arah kebaikan.(1m) • Mendalami ilmu asas Islam(1m) yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak.(1m)	4 markah
	(b)	(i)	Maksud ibadah Ibadah ialah pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan,perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT.	2 markah
		(ii)	Dua cara meningkatkan kualiti ibadat • Sentiasa mengingati Allah SWT (1m) ketika melakukan pekerjaan • Meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) tentang ibadah khusus dan umum • Sentiasa berdamping (1m) dengan orang soleh dan berilmu	4 markah
	(c)		Dua sebab Islam menuntut umatnya bekerja ialah : • Untuk memudahkan umatnya menunaikan ibadah (1m) seperti berzakat • Untuk memenuhi keperluan hidup (1m) seperti makanan dan tempat tinggal • Memperoleh keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana melaksanakan ibadah fardhu ain.	4 markah
	(d)		KBAT • Murid yang berdisiplin akan terbentuk melalui ibadah solat khususnya solat secara berjemaah (1m) kerana mereka akan mengikut imam yang akan mendidik seseorang mengikut peraturan (1m). Hal ini akan menjadi tarbiah harian mereka melalui ibadah solat yang akan menjamin kehidupan yang berjaya di dunia dan akhirat. Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa menjaga solat untuk mendapat keberkatan hidup dari Allah SWT. *Mana-mana jawapan yang munasabah boleh diterima.	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 markah)

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH								
2.	(a)	(i)	Maksud hamba ialah Manusia wajib mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT / dengan mematuhi segala laranganNya dan menjauhi segala laranganNya	2 markah								
		(ii)	Akibat mengabaikan tugas dan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah. • Berlaku keruntuhan akhlak dan jenayah berleluasa / menyebabkan negara menjadi huru hara • Masyarakat akan kekurangan ilmu dan dan jahil /menyebabkan kemunduran • Hilang kepercayaan kepada pemimpin dan negara akan mundur	2 markah								
	(b)	(i)	Dua perkara kemungkaran yang biasa berlaku di sekolah; • Melawan guru • Menghisap rokok • Vandalisme • Bergaduh	2 markah								
		(ii)	Pada pendapat saya perkara ini berlaku kerana kurang ilmu agama.(F/1M) Cara untuk mengatasinya ialah dengan mendalami ilmu agama(H1/1M) samada belajar di sekolah atau mendengar ceramah agama secara dalam talian (H2/1M) agar dapat mengukuhkan keimanan dalam diri (K/1M) *Faktor dan cara mengatasi mesti selari.	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 markah)								
	(c)	(i)	Dua asas sistem perundangan Islam • Pencegahan • Pembalasan • Pemulihan	2 markah								
		(ii)	Dua perbezaan sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan manusia <table><tr><th>Sistem Perundangan Islam</th><th>Sistem Perundangan Manusia</th></tr><tr><td> • Ciptaan Allah SWT </td><td> • Ciptaan manusia </td></tr><tr><td> • Bersifat kekal dan tidak berubah </td><td> • Sentiasa berubah mengikut kesesuaian </td></tr><tr><td> • Bersifat syumuliyah </td><td> • Banyak kekurangan </td></tr></table>	Sistem Perundangan Islam	Sistem Perundangan Manusia	• Ciptaan Allah SWT	• Ciptaan manusia	• Bersifat kekal dan tidak berubah	• Sentiasa berubah mengikut kesesuaian	• Bersifat syumuliyah	• Banyak kekurangan	4 markah
Sistem Perundangan Islam	Sistem Perundangan Manusia											
• Ciptaan Allah SWT	• Ciptaan manusia											
• Bersifat kekal dan tidak berubah	• Sentiasa berubah mengikut kesesuaian											
• Bersifat syumuliyah	• Banyak kekurangan											
		(iii)	Dua cara Islam memelihara keturunan; • Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang sah • Melarang perbuatan zina, lesbian, liwat dan gay kerana merosakkan keturunan. • Menetapkan golongan wanita yang haram dikahwini seperti diharamkan berkahwin dengan ibu , adik beradik dan sebagainya. • Mengenakan hukuman sebat 100 kali kepada penzina dan rejam sampai mati.	4 markah								

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH														
3.	(a)	(i)	Dua keistimewaan Sistem Sosial Islam ialah - Bersumberkan Al Quran dan As Sunnah - Menjaga hak asasi manusia - Menjamin keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera - Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia	2 Isi x 1M (2 Markah)														
	(b)		Rubrik pengskoran : <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td> - Menyatakan satu pandangan sahaja (F) </td><td>1m</td></tr><tr><td> - Menjelaskan huraian - Pandangan ringkas(H1) </td><td>1m</td></tr><tr><td> - Menghurai pandangan - Huraian yang lengkap (H2) - Contoh atau sebab atau dalil sokongan </td><td>1m</td></tr><tr><td> - Menghuraikan pandangan(H3) - Penerangan huraian yang lengkap </td><td>1m</td></tr><tr><td> - Menghuraikan pandangan (H4) - Kesimpulan ringkas </td><td>1m</td></tr><tr><td> - Rumusan/ kesimpulan - Olahan jawapan tepat, jelas , relevan dan menarik </td><td>1m</td></tr></table> Contoh Jawapan : Cara saya mempersiapkan diri adalah menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh (Isi) samada ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah (H1) agar menjadi insan berguna (H2). Ini kerana dengan ilmu dan iman akan menghalang kita daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar.(H3) Kesannya kita sentiasa akan melakukan kebaikan dan suruhan Allah SWT.(H4) Kesimpulannya kita hendaklah beramal dengan ilmu yang dipelajari dengan mantap agar hidup diredhai oleh Allah. (K)	Kriteria	Skor	Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m	- Menjelaskan huraian - Pandangan ringkas(H1)	1m	- Menghurai pandangan - Huraian yang lengkap (H2) - Contoh atau sebab atau dalil sokongan	1m	- Menghuraikan pandangan(H3) - Penerangan huraian yang lengkap	1m	- Menghuraikan pandangan (H4) - Kesimpulan ringkas	1m	- Rumusan/ kesimpulan - Olahan jawapan tepat, jelas , relevan dan menarik	1m	1 Isi 4H 1K (6 Markah)
Kriteria	Skor																	
Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m																	
- Menjelaskan huraian - Pandangan ringkas(H1)	1m																	
- Menghurai pandangan - Huraian yang lengkap (H2) - Contoh atau sebab atau dalil sokongan	1m																	
- Menghuraikan pandangan(H3) - Penerangan huraian yang lengkap	1m																	
- Menghuraikan pandangan (H4) - Kesimpulan ringkas	1m																	
- Rumusan/ kesimpulan - Olahan jawapan tepat, jelas , relevan dan menarik	1m																	
	(c)	(i)	Dua adab pergaulan dalam Islam ialah. - Menjaga tutur kata - Berlaku adil dan ehsan - Menjaga batasan aurat - Bersangka baik	2 Isi x 1M (2 Markah)														
		(ii)	Amalan ta`awun dalam asas pergaulan Islam adalah - Saling tolong menolong ke arah kebaikan - Prihatin antara satu sama lain - Menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan	1 Isi x 2M (2 Markah)														
	(d)	(i)	Maksud pengurusan dalam Islam ialah Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam / untuk kebajikan manusia.	1 Isi x 2M (2 Markah)														
		(ii)	Dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik. - Beriman - Amanah - Berwawasan	2 Isi x 1M (2 Markah)														
		(iii)	Dua kebaikan mentadbir dan mengurus mengikut syariat Islam ialah - Dapat melaksanakan tanggungjawab dengan amanah / sehingga menghasilkan produktiviti yang tinggi - Mendapat ketaatan daripada orang bawahan/ kerana wujud persefahaman yang baik	2 Isi x 2M (4 Markah)														

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
4.	(a)	(i)	Maksud akhlak menurut Islam; Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan/perlakuan (1m) tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam. (1m)	(2 Markah)
		(ii)	Dua cara penghayatan sifat sabar; • Sentiasa menerima sesuatu takdir Allah swt dengan hati yang tenang • Sentiasa berlapang dada dengan sesuatu perkara yang menimpa	(2 Markah)
	(b)	(i)	Dua prinsip 'Alamiyyah menurut Islam; • Islam memuliakan manusia • Nilai keadilan Islam bersifat sejagat • Islam menjamin hak asasi manusia • Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran • Islam mengutamakan keamanan, kedamaian dan kesejahteraan.	(2 Markah)
		(ii)	Dua bukti Islam mengamalkan prinsip 'Alamiyyah dalam ajarannya; • Islam mempunyai prinsip yang sesuai dengan semua bangsa, tempat dan waktu • Islam dapat diterima dan diamalkan oleh semua manusia • Islam sesuai dengan fitrah manusia dan tidak membebankan.	(4 Markah)
		(iii)	Dua bukti yang menunjukkan Waqi'iyyah dalam muamalat • Muamalat Islam mementingkan sifat jujur (1m) dalam semua urusan(1m) • Muamalat Islam menimbulkan ketenangan hati (1m) kepada semua pihak.(1m) • Muamalat Islam melarang penindasan (1m) seperti monopoli atau riba.(1m) • Muamalat Islam mewajibkan sukatan dan timbangan(1m) dengan betul dan tepat.(1m)	(4 Markah)
	(c)	(i)	Dua etika muamalat dalam Islam • Bersifat jujur dan amanah dalam semua urusan. • Tekun dan tabah semasa melaksanakan urusan. • Bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT.	(2 Markah)
		(ii)	KBAT Islam melarang umatnya melakukan perkara tersebut kerana ingin menjauhkan manusia daripada penindasan(F/1M). Ini kerana sebarang bentuk penindasan ialah suatu kezaliman(H1/1M) yang diharamkan dalam Islam(H2/1M). Oleh itu kita hendaklah berusaha mematuhi segala perintah Allah agar masyarakat hidup dalam keamanan.(K/1M)	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 Markah)

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
5.	(a)	(i)	Maksud insan ialah; Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal fikiran / dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam.	(2 markah)
		(ii)	Dua keistimewaan insan berbanding makhluk-makhluk yang lain; • Dianugerahkan rasul (1m) sebagai pembimbing(1m) • Dikurniakan akal fikiran(1m) untuk membezakan buruk dan baik(1m) • Diberikan kitab(1m) sebagai panduan(1m) • Dilantik sebagai khalifah(1m) untuk mentadbir bumi(1m)	(4 markah)
		(iii)	Dua cara memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah; • Memupuk dan mengamalkan akhlak yang mulia (1m) supaya dihormati oleh masyarakat(1m) • Membimbing rakan-rakan (1m) supaya sentiasa melakukan perkara yang baik(1m) • Melaksanakan amanah (1m) dengan penuh tanggungjawab.(1m) • Berusaha menjadikan keluarga dibina berdasarkan ketakwaan dan kasih sayang(1m) agar kehidupan tenteram.(1m)	(4 markah)
	(b)	(i)	Dua ciri wahyu; • Kesuciannya terpelihara hingga hari kiamat • Diturunkan kepada para nabi dan rasul sahaja. • Datang daripada Allah • Melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. • Tidak diturunkan selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.	(2 markah)
		(ii)	Dua peranan akal dalam kehidupan manusia; • Membezakan antara perkara yang hak dengan yang batil. • Memahami dan memikirkan kebenaran Islam. • Memahami hakikat kebesaran Allah SWT. • Mempelajari cara mendekatkan diri dan beribadat kepada Allah SWT. • Memikirkan kejadian makhluk dan alam. • Membuktikan kebenaran Islam.	(4 markah)
	(c)	KBAT Tindakan saya bagi menyedarkan Saufee ialah saya perlu menasihatinya dengan penuh keikhlasan(F/1M) agar dapat meresap ke hatinya(H1/1M). Ini kerana sikap buruknya tadi menyusahkan hidup orang lain(H2/1M). Kesannya hidup Saufee pasti akan dimurkai oleh Allah SWT(H3/1M). Oleh itu kita perlukan sentiasa mengamalkan amar makruf nahi mungkar walau pun kepada sahabat baik sendiri sebagai bukti bersahabat kerana Allah SWT.(K/1M)		Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 Markah)

PERATURAN PEMARKAHAN MPP3 TASAWWUR ISLAM 2022

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
6.	(a)	(i)	Tiga konsep hiburan dalam Islam ialah; - Bertujuan mengagungkan Allah SWT dan mendidik jiwa. - Berhibur selari dengan kehendak syariat. - Meliputi aspek iman dan akhlak. - Hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia. - Membangunkan potensi umat Islam dalam seni hiburan.	3 isi x 1M (3 Markah)
		(ii)	Dua kepentingan adab dan etika hiburan dalam kehidupan ialah; - Meningkatkan keimanan (1m) dengan hiburan yang mengagungkan kehebatan Allah SWT.(1m) - Mengetahui batasan manusia dalam berhibur (1m) agar tidak berlebihan.(1m) - Menjaga maruah diri (1m) daripada terjebak dengan perbuatan yang dilarang. (1m) - Menghasilkan hiburan yang selari dengan nilai akhlak Islam (1m) agar mendapat rahmat daripada Allah SWT.(1m)	2 Isi x 2M (4 Markah)
	(b)	(i)	Tiga adab dan etika kesenian menurut Islam ialah; - Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan. - Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak. - Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam. - Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya. - Mencipta karya yang asli. - Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas. - Tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat. - Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain.	3 Isi x 1M (3 Markah)
		(ii)	Dua jenis kesenian yang di larang dalam Islam; - Kesenian yang mengandungi unsur maksiat (1m) kerana akan melalaikan. (1m) - Kesenian yang menyalahi akidah (1m) seperti lagu yang memuja individu tertentu. (1m) - Menciplak hasil seni orang lain(1m) yang menimbulkan pergaduhan.(1m)	2 Isi x 2M (4 Markah)
	(c)	(i)	Dua tanggungjawab rakyat selain yang dinyatakan dalam ayat; - Membantu membanteras kemungkaran. - Mempertahankan negara. - Menjaga keamanan hidup bermasyarakat. - Menasihati pemimpin ke arah kebaikan. - Berusaha mendalami ilmu pengetahuan. - Menghormati kebebasan beragama.	2 Isi x 1M (2 Markah)
		(ii)	KBAT Contoh jawapan; Nagara akan kucar kacir (F/1m) kerana rakyat tidak mematuhi arahan pemimpin. (H1/ 1m) Hal yang demikian menyebabkan negara mundur dan ketinggalan (H2/1m) Kesimpulannya rakyat perlu mentaati pemimpin selagi tidak bercanggah dengan syarak agar negara makmur dan mendapat rahmat Allah SWT. (K/1m) (Mana-mana jawapan munasabah diterima)	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 Markah)